

22/02/1998

Selesaikan kebuntuan (HL)

KUALA LUMPUR: Malaysia berharap Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Kofi Annan, yang memulakan rundingan rasmi dengan pemimpin Iraq di Baghdad semalam, akan berjaya menyelesaikan kebuntuan konflik Amerika Syarikat-Iraq bagi mengelak berlakunya sebarang tindakan ketenteraan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melahirkan harapannya itu walaupun persiapan ketenteraan diketuai Amerika Syarikat di Teluk begitu bersungguh-sungguh untuk melakukan serangan terhadap Iraq.

"Saya harap dia (Annan) berjaya," katanya ketika ditanya pemberita selepas menghadiri sambutan perayaan berkembar Jabatan Perdana Menteri di Kelab Perdana di sini, semalam.

Semalam, Annan mengadakan rundingan rasmi dengan Timbalan Perdana Menteri Iraq, Tareq Aziz berhubung tuntutan PBB supaya Iraq membenarkan lapan kawasan istana presiden disiasat.

Amerika dan Britain sebelum ini menyatakan mereka akan menyerang Iraq kecuali Baghdad membenarkan penyiasat senjata PBB memeriksa semua kawasan istana presiden yang disyaki menyimpan senjata biologi dan kimia. Barat mengesyaki istana itu menjadi tempat penyembunyian senjata yang dilarang mengikut syarat perjanjian Perang Teluk 1991.

Iraq menafikan memiliki senjata seumpama itu dan menegaskan ia tidak berupaya menghasilkannya dan sudah pun memusnahkannya mengikut pengawasan PBB beberapa tahun lalu.

Penasihat politik Annan, Lakhdar Ibrahimi, berkata Annan sudah membincangkan isu penting ketika mesyuarat tidak rasmi dengan Aziz, Jumaat lalu dan meneruskannya semalam.

Misi Annan disifatkan sebagai usaha terakhir untuk mengelakkan penggunaan ketenteraan bagi menyelesaikan kebuntuan yang dihadapi pemeriksa senjata PBB di negara itu.

Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton memberi amaran kepada negara-negara Arab bahawa jika misi Annan gagal, Saddam akan dipertanggungjawabkan bagi mangsa serangan udara yang akan dilancarkan.

Ditanya mengenai pendirian mutakhir Malaysia, Dr Mahathir berkata: "Kita masih tidak bersetuju dengan cara penggunaan ketenteraan untuk menyelesaikan masalah."

Dr Mahathir berkata beliau juga sudah memberitahu wakil peribadi Presiden Perancis, Jacques Chirac, yang dihantar untuk menyatakan pendirian negara itu berhubung krisis Amerika Syarikat-Iraq. Malaysia memberitahu wakil Chirac bahawa negara ini tidak bersetuju dengan tindakan ketenteraan.

Dalam perkembangan terbaru, laporan dari Paris menyebut Perancis menyifatkan rundingan Annan dengan pemimpin Baghdad bukan cubaan muktamad dalam mencari penyelesaian krisis Iraq melalui saluran diplomasi.

Menteri Luarnya, Hubert Vedrine, berkata misi Annan boleh mencapai kejayaan atau gagal secara keseluruhannya.

Tetapi, beliau percaya usaha itu boleh menghasilkan tolak ansur dalam soal pemeriksaan tapak senjata Iraq yang perlu diterima atau ditolak Majlis Keselamatan PBB.

"Jika rundingan menghasilkan sesuatu antara dua perkara berkenaan, Majlis Keselamatan perlu berunding dan menilai mengenainya.

"Siapa tahu? Mungkin inisiatif diplomatik selanjutnya akan dijalankan," katanya kepada radio Europe 1.

Vedrine percaya Clinton belum membuat keputusan mengenai serangan udara bagi memaksa Iraq akur kepada ketetapan PBB yang menuntutnya memusnahkan senjata canggih miliknya.

(END)